



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PERBANDINGAN ANTARA FONOLOGI DAN LEKSIKAL DIALEK UTARA
DENGAN DIALEK CHAROK KUDONG DI KEDAH, MALAYSIA***

ZULIANA BINTI ZUBIR

FBMK 2014 41



**PERBANDINGAN ANTARA FONOLOGI DAN LEKSIKAL DIALEK UTARA
DENGAN DIALEK CHAROK KUDONG DI KEDAH, MALAYSIA**

Oleh

ZULIANA BINTI ZUBIR

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Disember 2014

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Syukur ke hadrat Illahi dengan limpah dan kurniaan-nya
Dengan rahmat yang tidak terhingga
Mengiringi perjuangan hidup
Membawa aku ke destinasi ini.
Syukur jua ku pada-Mu Ya Allah
Atas kurniaan kesabaran dan ketenangan jiwa
Akhirnya tulisan ilmiah ini dapat direalisasikan dengan jayanya.

Buat bonda Puan Zuriah Binti Mahmud
Dorongan dan semangatmu
Limpahan rindu dan kasih
Membuatkan anakanda sentiasa bersedia
Dengan apa jua cabaran dan rintangan
Sehingga anakanda berjaya hingga ke tahap ini
Ucapan terima kasih yang tidak terhingga ku hadiahkan buatmu

Buat ayahanda Zubir bin Ismail
Segala kata-kata tersemat kukuh di hati
Menjadi pegangan haluan hidup ini
Keprihatinan serta kasih yang dicurahkan
Telah menjadi anakanda kukuh berdiri di menara ini

Buat kalian yang ku sayangi
Zaliza, Zunita, Zakrul Ruzi, Izwan, Along, Angah, Akeem, Zara, Adira, Numa, Akil,
Abu dan Adam

Terima kasih atas dorongan yang kalian titipkan buatku saban hari
Membuat rindu dan kasihku bersatu
Usaha!

Kejayaan yang ku kecapai adalah milik kita bersama

Kepada pengerusi yang ku hormati, Prof Madya Dr. Raja Masittah Raja Ariffin
Serta Prof Madya Dr. Adi Yasran bin Abdul Aziz
Jasa dan segala tunjuk ajar yang dicurahkan selama ini
Akan ku patrikan di dalam lipatan hidupku
Semoga tuhan merahmati kalian selalu

Kepada rakan-rakan seperjuanganku
Hidayah, Aida, Mahfuzah, Irene, Mardziah dan Wan Syathirah
Yang tidak jemu membantu dan berlumba bersama menyiapkan tesis ini
Jutaan terima kasih dan semoga berjaya dalam hidup
Kenangan ini akan ku semadikan sehingga akhir hayat

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**PERBANDINGAN ANTARA FONOLOGI DAN LEKSIKAL DIALEK UTARA
DENGAN DIALEK CHAROK KUDONG DI KEDAH, MALAYSIA**

Oleh

ZULIANA BINTI ZUBIR

December 2014

Pengerusi : Prof Madya Raja Masittah Binti Raja Ariffin, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini berusaha membandingkan fungsi fonologi dan leksikal dialek Utara (DU) dan dialek Charok Kudong (DCK) di Kedah. Kajian ini juga mengemukakan tiga objektif utama. Pertama adalah untuk menjelaskan inventori fonem dan penyebarannya dalam kedua-dua dialek. Objektif kedua pula adalah untuk membandingkan proses fonologi yang berlaku dalam kedua-dua dialek berdasarkan Teori Fonologi Generatif. Manakala, dalam objektif ketiga kajian ini pula adalah untuk menghuraikan penggunaan kata leksikal dan hubungan makna di antara kedua-dua dialek. Metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah berdasarkan kepada beberapa kaedah iaitu kaedah lapangan, kepustakaan, tinjauan dan pengumpulan data berdasarkan beberapa pendekatan. Responden untuk kajian ini terdiri daripada 15 responden dari Kampung Bukit Jambul dan 15 responden lagi dari Kampung Charok Kudong. Data kajian diperoleh melalui temu bual, borang soal selidik dan data mentah yang dianalisis berdasarkan teori Fonologi Generatif dan teori Medan Makna. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan fonem dan rumus dalam kedua-dua dialek yang dikaji. Di samping itu, kajian ini juga mendapati wujudnya perkaitan makna antara kata leksikal dalam kedua-dua dialek.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirements for the degree of Master of Arts

COMPARISON BETWEEN PHONOLOGY AND LEXICAL OF NORTHERN DIALECT WITH CHAROK KUDONG DIALECT IN KEDAH, MALAYSIA

By

ZULIANA BINTI ZUBIR

Disember 2014

Chairman : Prof Madya Raja Masittah Binti Raja Ariffin, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

This study sought to compare the function of phonological and lexical Northern dialect (DU) and Charok Kudong dialect (DCK) in Kedah. This study also presents three major objectives. First is to explain and spread in the proper phoneme inventory of both dialects. The second objective is to compare the phonological processes that occur in the two dialects based on the Theory of Generative Phonology. Meanwhile, the third objective of this research is to describe the use of the word lexical meaning and relationship between the two dialects. The methodology used by the researchers is based on several methods of field methods, literature, surveys and data collection based on a number of approaches. Respondents for this study consisted of 15 respondents from Kampung Bukit Jambul and 15 respondents from Kampung Charok Kudong. Data was collected through interviews, questionnaires and the raw data were analyzed based on the theory of Generative Phonology and Semantic field theory. The results showed that there are difference phoneme and formulas in both dialects studied. In addition, this study also found that there is relationship between words lexical meaning in both dialects.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim

Alhamdulillah , penulis bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya penulis akhirnya dapat menyempurnakan tesis master ini bagi memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Master Bahasa Melayu.

Disini, penulis ingin mengambil kesempatan merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak yang telah banyak membantu penulis dalam usaha menyiapkan penulisan akademik ini terutamanya Prof Madya Dr. Raja Masittah Raja Ariffin selaku pengerusi tesis master ini dan juga Prof Madya Dr. Adi Yasran bin Abdul Aziz atas kesabaran dan dedikasi mereka dalam membimbing, memberi nasihat serta teguran dan juga tidak ketinggalan cadangan dan pandangan kepada penulis.

Tidak lupa juga kepada ribuan terima kasih kepada semua penduduk Kampung Bukit Jambul dan Kampung Charok Kudong yang telah memberi kerjasama yang baik kepada penulis dalam menyiapkan tesis ini.

Penulis juga ingin mengucapkan ribuan penghargaan kepada semua yang terlibat dan telah memberi kerjasama yang sepenuhnya dalam mengakhiri penulisan ini sama ada terlibat secara langsung atau tidak.
Sekian, wassalam.

**ZULIANA BINTI ZUBIR
FAKULTI BAHASA MODEN DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR**

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 22 Disember 2014 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Zuliana binti Zubir bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Perbandingan antara Fonologi dan Leksikal Dialek Utara dengan Dialek Charok Kudong di Kedah, Malaysia” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Che Ibrahim bin Salleh, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Hasnah binti Mohamad, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Mohd Sharifudin bin Yusop, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Mohammad Fadzeli Jaafar, PhD

Profesor Madya
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 25 Mei 2016

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Raja Masittah binti Raja Ariffin, PhD
Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Adi Yasran bin Abdul Aziz, PhD
Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau metarial lain seperti yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi dalam data tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No Matrik: Zuliana Binti Zubir, GS28037

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Raja Masittah binti Raja Ariffin

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Adi Yasran bin Abdul Aziz

SENARAI KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI SIMBOL	xiv

BAB

I: PENDAHULUAN

Pengenalan	1
Latar belakang kajian	2
Penyataan masalah	4
Objektif kajian	5
Kepentingan kajian	5
Skop kajian	6
Definisi operasional	6
Kesimpulan	8

II: SOROTAN KAJIAN

Pengenalan	9
Kajian Fonologi	9
Fonologi Tradisional	9
Fonologi Struktural	11
Fonologi Generatif	17
Kajian tentang leksikal	21
Kesimpulan	23

III: METODOLOGI KAJIAN

Pengenalan	24
Reka bentuk kajian	24
Kerangka kajian	25
Kerangka Teori Fonologi Generatif	26
Teori Fonologi Generatif	27
Kerangka Teori Medan Makna	28
Teori Medan Makna	29
Kaedah kajian	29
Prosedur kajian	32
Lokasi kajian	34
Persampelan kajian	34
Instrumen kajian	35
Alat pengumpulan maklumat	36

Tatacara kajian	38
Penganalisan data	38
Kesimpulan	39
IV : ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	
Pengenalan	40
Inventori fonem dan penyebarannya	40
Inventori segmen	40
Inventori fonem	41
Inventori fonem vokal	41
Fitur distingtif fonem vokal	42
Penyebaran fonem vokal	43
Data penyebaran fonem vokal	43
Vokal depan	43
Vokal depan sempit [i]	43
Vokal depan separuh sempit [e]	44
Vokal belakang	44
Vokal belakang separuh sempit [o]	44
Vokal belakang sempit [u]	45
Vokal tengah [ə]	45
Inventori penyebaran konsonan	46
Fitur distingtif fonem konsonan	47
Penyebaran fonem konsonan	48
Dua bibir	48
Letupan tak bersuara /p/	48
Letupan bersuara /b/	48
Sengauan /m/	49
Gigi-gusi	49
Letupan tak bersuara /t/	49
Letupan bersuara /d/	50
Sengauan /n/	50
Sisian /l/	51
Geseran tak bersuara /s/	51
Lelangit keras (sengauan /ɲ/)	51
Lelangit lembut	52
Letupan tak bersuara /k/	52
Letupan bersuara /g/	53
Sengauan /ŋ/	53
Geseran bersuara /ŋ/	53
Pita suara (geseran /h/)	54
Segmen terbitan	54
Hentian glotis [ʔ]	54
Geluncuran [j,w]	55
Proses fonologi	55
Pendepanan nasal	56
Peleburan VK	57
Faringalisasi geseran	58
Penggeluncuran /i/ dan penyisipan [a]	58
Perendahan vokal	61
Penggeluncuran getaran	61

Pembelakangan vokal	62
Glotalisasi geseran	62
Penyisipan [j]	63
Penggunaan kata leksikal dengan hubungan makna	66
Pengenalan	66
Kosa kata dan hubungan makna	67
Sinonim	67
Homofon	68
Homonim	69
Hiponim	70
Kesimpulan	71
V: KESIMPULAN DAN CADANGAN	
Pengenalan	73
Rumusan	73
Cadangan	76
BIBLIOGRAFI	78
LAMPIRAN	85
BIODATA PELAJAR	98

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1:	Matrik fitur vokal	42
2:	Matrik fitur distingtif DKCK dan DU	47
3:	Matrik fitur proses pendepanan nasal	57
4:	Matrik fitur proses penggeluncuran /i/ dan penyisipan [a]	59
5:	Matrik fitur proses penyisipan [j]	64

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1:	Kerangka konseptual	25
2:	Kerangka teori fonologi generatif	26
3:	Kerangka teori medan makna	28
4:	Inventori vokal	41
5:	Inventori konsonan	46



SENARAI SINGKATAN

[ATR]	Advanced Tongue Root (pangkal lidah ke depan)
Bel	Belakang
BM	Bahasa Melayu
BMB	Bahasa Melayu Baku
BMS	Bahasa Melayu Standard
Bun	Bundar
DK	Dialek Kelantan
DKCK	Dialek Kelantan Charok Kudong
DPM	Dialek Pasir Mas
DS	Deskripsi struktural
DU	Dialek Utara
FG	Fonologi Generatif
Getar	Getaran
IPA	International Phonetic Alphabet
IS	Indeks struktural
Kon	Konsonan
Kons	Konsonantal
Kor	Koronal
Kont	Kontinuan
KV	Konsonan Vokal
Lat	Lateral
LL	Lepas lewat
Malar	Malaran
PGR	Penggeluncuran getaran
PS	Perubahan struktural
Ren	Rendah
Sil	Silabik
Son	Sonoran
SPE	Sound Pattern of English
Strid	Striden
Suara	Bersuara
Ting	Tinggi
Vok	Vokal
VK	Vokal Konsonan

SENARAI SIMBOL

/	transkripsi fonemik bermula/ berakhir
[transkripsi fonetik bermula
]	transkripsi fonetik berakhir
ø	pengguguran
#	kesenyapan
→	direalisasikan sebagai
+/-	fitur distingtif
α	alfa
=	garis putus

BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan

Bahasa merupakan alat perhubungan yang penting dalam kehidupan manusia seharian pada masa dahulu sehingga sekarang. Bahasa juga terdiri daripada sekumpulan dialek. Melalui bahasalah manusia dapat berinteraksi antara satu sama lain dan dapat melahirkan perasaan, pendapat, keinginan dan sebagainya. Menurut Simanjuntak (1980) bahasa adalah satu struktur yang unik yang terdiri daripada bunyi ucapan yang dipilih dan disusun secara sewenang-wenangnya untuk digunakan sebagai alat perhubungan manusia seharian.

Tanpa bahasa, manusia tidak dapat berhubung dengan baik antara satu sama lain. Ada kemungkinan juga bahasa isyarat boleh digunakan tetapi bahasa isyarat menjadi sukar diterima atau disampaikan jika seseorang itu tidak memahami bahasa isyarat yang disampaikan. Oleh yang demikian, untuk berhubung antara satu sama lain bagi manusia normal sifatnya maka bahasa memainkan peranan penting. Tanpa bahasa, sesuatu maklumat sukar disampaikan atau mendapat maklum balas. Setiap bahasa ada variasi atau kelainan yang tersendiri.

Di Malaysia, konsep dialek ini secara umumnya dikaitkan dengan ragam pertuturan yang didasarkan pada daerah atau kawasan pertuturannya sendiri. Selain itu, pada suatu ketika dahulu, istilah bahasa daerah atau loghat daerah digunakan (Nik Safiah Karim 1965).

Sebenarnya, istilah dialek berasal dari perkataan Yunani "*Dialektos*" iaitu '*Manner of Speech*' yang pada mulanya digunakan dalam hubungannya dengan bahasa Yunani itu sendiri (Ayatrohaedi 1979:1).

Banyak bahasa yang merangkumi dialek-dialek daripada bahasa tersebut menggunakan nama negeri dan daerah kumpulan penutur. Contohnya di Semenanjung Malaysia terdapat dialek Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Johor, Pahang, dan banyak lagi mengikut kawasan atau negeri. Pembahagian ini bukanlah semata-mata kerana sempadan politik tetapi dengan merujuk kepada perbezaan dari pelbagai aspek bahasa. Di samping itu, terdapat juga dialek suku kaum terutamanya di Malaysia Timur. Dialek yang pelbagai ini pula wujud disebabkan oleh beberapa faktor seperti faktor geografi, politik, penjajahan, perdagangan, masa dan seumpamanya (Abdul Hamid Mahmood, 1982: 339).

Dialek daerah juga merupakan satu kelainan daripada satu bahasa yang terbit daripada perbezaan aspek pengucapan sekumpulan penutur tersebut yang dipengaruhi oleh alam sekitarnya (Asmah Haji Omar, 1985:25). Dialek sosial pula merujuk kepada kelas sosial dan tingkat pendidikan penuturnya.

Dialek Melayu adalah satu bentuk bahasa yang digunakan oleh orang Melayu untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Dialek Melayu boleh dibahagikan kepada tiga

kumpulan, iaitu dialek Melayu berdasarkan seketika atau masa, masyarakat, daerah atau kedudukan.

Selain itu, dialek Melayu mempunyai bentuk tertentu yang dituturkan dalam kawasan tertentu dan berlainan daripada bentuk standard, baik dari segi fonologi serta tatabahasa atau penggunaan kata-kata tertentu, tetapi kelainan tersebut tidak besar untuk dianggap sebagai bahasa yang lain.

Dengan demikian dialek kerap dianggap sebagai “non standard” atau “substandard” yang wujud di luar sesuatu bahasa. Anggapan ini timbul kerana dialek dikategorikan sebagai sesuatu bentuk bahasa yang berstatus rendah dan bersifat kedesaan. Istilah ‘dialek’ lazimnya dikaitkan dengan bentuk bahasa yang dituturkan oleh penduduk yang tinggal di kawasan terpencil di dunia yang tidak mempunyai bentuk tulisannya. Dialek dianggap sebagai satu bentuk yang menyimpang daripada bentuk bahasa yang betul atau standard. Demikian pengertian dan huraian tentang dialek menurut Chambers dan Trudgill (1990:3).

Pada umumnya, dialek ialah satu bentuk bahasa yang substandard, berstatus rendah dan bersifat kedesaan. Dialek juga dikaitkan dengan masyarakat tani, kelas pekerja atau golongan lain yang tidak bertaraf tinggi. Dialek lazimnya dikaitkan dengan bentuk bahasa yang dituturkan oleh penduduk yang tinggal di kawasan terpencil. Dialek dianggap sebagai bentuk yang menyimpang daripada sesuatu yang norma, iaitu satu persimpangan daripada bentuk bahasa yang betul atau standard (Chambers dan Trudgill, 1990:3).

Selain dialek, aspek fonologi juga diberikan keutamaan dalam kajian ini dengan merujuk kepada Fonologi Generatif (FG). Fonologi merupakan satu bidang linguistik yang mengkaji sistem bunyi yang mempunyai fungsi tertentu dalam sesuatu bahasa. Bagi memudahkan pemerian sistem bunyi atau fonologi ini maka satu unit nahu yang dinamakan fonem telah diwujudkan. Manusia sebenarnya telah mengenal hakikat fonem sejak mereka mula pandai membentuk sistem ejaan. Sejak daripada itu, manusia telah mula mengkaji lambang-lambang yang digunakan untuk mendeskripsikan bunyi bahasa tersebut sehinggalah ke peringkat kajian secara saintifik. Hasilnya muncullah pelbagai teori dan aliran linguistik yang cuba menghuraikan dan memperjelaskan aspek-aspek fonologi yang berlaku.

Oleh itu, kajian ini akan membincangkan beberapa aspek fonologi dialek utara (DU) yang dituturkan di Kampung Bukit Jambul dan dialek Charok Kudong (DCK) yang dituturkan di Kampung Charok Kudong di kawasan Pendang, Kedah. Aspek yang dibincangkan ialah inventori fonem dan proses fonologi yang melibatkan teori Fonologi Generatif. Selain itu, kajian ini juga membincangkan aspek leksikal yang menerapkan penggunaan teori medan makna.

Latar belakang kajian

Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah memilih dua buah kampung yang mempunyai kelainan dialek walaupun berada di kawasan yang sama, iaitu di kawasan Pendang, Kedah. Negeri Kedah yang juga dikenali sebagai *Kedah Darul Aman* merupakan salah

satu daripada 14 negeri yang membentuk Persekutuan Tanah Melayu. Kedah terletak di Utara Semenanjung Malaysia dan memiliki keluasan 9,425 km. Kebanyakan penduduk Kedah ialah orang Melayu dan sedikit sekali orang Cina dan India. Anggaran penduduk mengikut kaum pada tahun 2003 ialah : Melayu (1,336,325), Cina (252,987), India (122,911), bukan warganegara (35,293), lain-lain (27,532). Di negeri Kedah terdapat 12 buah daerah yang terdiri daripada Baling, Bandar Baharu, Kota Setar, Kuala Muda, Kubang Pasu, Kulim, Langkawi, Padang Terap, Pendang, Sik, Yan dan Pokok Sena. Di daerah Pendang sahaja mempunyai beberapa buah kampung yang mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Di daerah ini juga terdapat penutur yang menuturkan dialek yang berbeza. Perbezaan dialek ini menyebabkan pengkaji terpengkil untuk menjalankan kajian terperinci yang melibatkan fonologi dan kata leksikal di daerah ini.

Salah sebuah kampung yang dijadikan lokasi kajian ialah Kampung Bukit Jambul yang terletak lebih kurang 5 km dari pekan Pendang. Bukit Jambul yang mendapat nama sejak sekian lama, iaitu setelah berlakunya satu peperangan di Jambu, Pattani, Thailand, yang dahulunya merupakan Kerajaan Kedah Tua. Menurut sejarahnya, penduduk di Jambu yang berketurunan Raja Jambu telah melarikan diri akibat perang yang berlaku antara Kedah dan Siam. Ketika sampai di Bukit Jambul, mereka terselamat dan terus tinggal di situ dan menamakan bukit tersebut dengan nama Bukit Jambu. Lama-kelamaan Bukit Jambu berubah nama kepada Bukit Jambul. Oleh itu, ramai penduduk Kampung Bukit Jambul sekarang berketurunan Raja Jambu. Kampung Bukit Jambul mempunyai 1200 orang penduduk yang terdiri daripada pelbagai kaum, iaitu Melayu, Cina dan India. Kebanyakan penduduk Kampung Bukit Jambul bekerja sebagai pesawah, penoreh getah dan ada yang bekerja sendiri. Dari segi pendidikan, ramai anak tempatan kampung ini masih lagi menuntut di pusat pengajian tinggi dan bekerja di kota atau bandar.

Sebuah lagi kampung yang menjadi lokasi kajian ialah Kampung Charok Kudong. Nama Charok Kudong diberi berdasarkan satu Charok (anak sungai) yang terputus, iaitu tidak sampai ke mana atau tiada penghujungnya. Oleh sebab itu, kampung ini dipanggil sebagai Charok Kudong. Ejaan Charok Kudong telah diwartakan sebelum tahun 1972, iaitu sebelum perisytiharan Sistem Ejaan Rumi Bahasa Melayu, dan nama ini kekal digunakan sehingga hari ini. Kampung ini mempunyai 169 keluarga dan penduduknya seramai 700 orang, yang terdiri daripada pelbagai lapisan golongan dan kaum. Pekerjaan penduduk di kampung Charok Kudong ialah bersawah, menoreh getah manakala golongan belia pula bekerja di bandar. Dari segi pendidikan, golongan belia di kampung ini ada yang menuntut di Pusat Pengajian Tinggi namun ada juga yang tidak berpendidikan tinggi.

Kajian ini dibuat atas dasar kesedaran bahawa perlunya sesuatu kajian dilakukan terhadap sesuatu dialek untuk memaparkan variasi dialek Melayu yang pelbagai. Kajian ini merupakan satu kajian kesinambungan daripada tajuk projek ilmiah penulis semasa di peringkat bachelors yang bertajuk "*Perbandingan di antara dialek-dialek Kampung Bukit Jambul dengan Kampung Charok Kudong di kawasan Pendang Kedah*". Kajian pada peringkat ini hanya berfokus kepada kelainan penggunaan kedua-dua dialek, perbezaan kata leksikal, dan juga di samping menghuraikan sama ada dialek di Kampung Charok Kudong akan terus hidup pada masa hadapan dan cara untuk melestarikan dialek tersebut.

Penyataan masalah

Terdapat pelbagai kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji yang berkaitan dengan dialek seperti dialek Kedah, Kelantan, Terengganu, Perak, Johor, Perlis, Pahang, dan Negeri Sembilan. Antara kajian yang dilakukan berkaitan dengan dialek termasuklah dari pelbagai aspek seperti perbandingan dialek dengan dialek lain atau perbandingan dialek dengan subdialek, perbandingan dialek dengan bahasa Melayu Baku dan pelbagai lagi kajian yang berkaitan dengan dialek termasuklah kajian dialek dari aspek fonologi, morfologi, sintaksis, semantik, mahupun kata leksikal. Ini termasuklah kajian yang ingin dilakukan oleh pengkaji yang berkaitan dengan “*Perbandingan Antara Fonologi Dan Leksikal Dialek Utara Dengan Dialek Kelantan Charok Kudong Di Kedah*”. Dalam kajian ini, pengkaji telah memfokuskan dua aspek utama yang merangkumi aspek fonologi dan leksikal.

Justeru itu, rasional kajian ini hadir adalah yang pertama untuk menjelaskan inventori fonem dan penyebarannya dalam kedua-dua dialek yang ingin dikaji. Hal ini, akan menjelaskan kewujudan fonem vokal dan konsonan serta penyebaran dalam DU dan DCK. Kedua, untuk membandingkan proses fonologi yang berlaku dalam kedua-dua dialek berdasarkan teori Fonologi Generatif. Ketiga, kajian ini hadir untuk menghuraikan penggunaan kata leksikal dengan hubungan makna di antara kedua-dua dialek. Hal ini, meujuk kepada kata-kata yang ada dalam DU dan DCK yang mempunyai peranan dan maksud tertentu.

Selain itu, kekuatan kajian ini dijalankan juga berasaskan kajian lepas yang masih memiliki ruang dan lompong dari pengkaji yang terdahulu berkaitan dengan fonologi dan kata leksikal seperti yang diterangkan sebelum ini berkaitan dengan tujuan utama kajian ini dijalankan. Pengkaji telah mengenal pasti lompong yang ada seperti kajian yang berkaitan dengan penyebaran inventori fonem dalam dialek. Pengkaji lepas yang membuat kajian berkaitan dengan inventori fonem iaitu Asmah Haji Omar (1985) hanya berfokuskan kepada satu dialek sahaja dan tidak membuat perbandingan dengan lebih jelas dari aspek vokal mahupun konsonan. Oleh itu, hadirnya kajian ini adalah untuk menjelaskan inventori fonem dan penyebarannya dalam dua dialek yang berbeza.

Seterusnya, hadirnya kajian ini adalah bagi menganalisis dan membandingkan proses fonologi yang terlibat. Walaupun terdapat ramai pengkaji lepas yang membuat kajian berkaitan dengan proses fonologi termasuklah membandingkan dialek yang berbeza dari segi proses fonologi. Dalam kajian lepas yang dilakukan oleh Zaharani Ahmad (1993) lebih memfokuskan kepada aspek proses fonologi yang dengan kajian sebelumnya seperti pelepasan vokal, pendepanan nasal dan sebagainya. Oleh itu, kekuatan kajian ini adalah pengkaji cuba membandingkan proses fonologi yang melibatkan DU dan DCK.

Berdasarkan aspek kata leksikal pula, kajian yang dilakukan oleh Ajib Che Kob (1977) yang bertajuk *Dialek Geografi Pasir Mas: Fonologi dan Leksikal* hanya membuat kajian dengan berfokuskan kepada satu dialek sahaja dengan menyenaraikan kata leksikal tersebut dan membezakannya berdasarkan kepada kelas kata. Justeru itu, pengkaji cuba mengisi lompong yang ada dengan menghuraikan penggunaan kata leksikal dengan hubungan makna berdasarkan kedua-dua dialek yang akan dikaji.

Kesimpulannya, berdasarkan lompang dan kurangnya kajian lepas telah mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian ini yang melibatkan "*Perbandingan Antara Fonologi Dan Lesikal Dialek Utara Dengan Dialek Charok Kudong Di Kawasan Pendang Kedah*".

Objektif kajian

Pada umumnya, untuk mendapatkan bukti yang lebih kukuh berkenaan dengan kajian terhadap dialek Utara (DU) dan dialek Charok Kudong (DCK), pengkaji telah berusaha membandingkan kedua-dua dialek tersebut daripada pelbagai perspektif linguistik. Kajian ini dijalankan berlandaskan beberapa objektif utama. Objektif kajian ini adalah untuk:

- 1) Menjelaskan inventori fonem dan penyebarannya dalam kedua-dua dialek.
- 2) Membandingkan proses fonologi yang berlaku dalam kedua-dua dialek berdasarkan Teori Fonologi Generatif.
- 3) Menghuraikan penggunaan kata leksikal dan hubungan makna di antara kedua-dua dialek.

Kepentingan kajian

Mengkaji dialek amatlah penting untuk menyuburkan penggunaannya dalam kalangan generasi akan datang. Dialek tidak seperti bahasa standard atau baku yang telah dibina hasil daripada satu perancangan yang rapi oleh pakar bahasa. Dialek ini hadir daripada satu proses yang tersendiri dan mempunyai kepelbagaian ayat. Dalam kajian ini terdapat banyak dapatan baharu yang dijangka dapat memberikan sumbangan bernilai terhadap usaha memperkaya, dan memperluas lagi kajian dalam bidang linguistik, khususnya aspek fonologi bahasa dan dialek-dialek Melayu yang masih kurang mendapat perhatian ahli linguistik.

Kajian yang bertajuk "*Perbandingan antara aspek fonologi dan leksikal dialek Utara dengan dialek Charok Kudong di Kedah*" ini dilihat sebagai satu kajian yang penting kerana beberapa sebab. Pertama, kajian ini dapat dijadikan rujukan kepada sesiapa sahaja, termasuklah pelajar dan pengajar dalam proses Pengajaran & Pembelajaran. Dengan adanya rujukan dan bahan bacaan ini dapat mendorong pelajar dalam menjalankan kajian lain yang berkaitan dengan dialek. Mereka juga dapat mengetahui tentang sedikit sebanyak wujudnya subdialek yang ada di kawasan yang sama. Kedua, kajian ini juga penting kepada Negara khususnya Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan sebagai khazanah di negeri Kedah.

Selain itu, kajian ini juga cuba menjelaskan kepada umum tentang wujudnya perbezaan dialek di kawasan Pendang walaupun berasal dari satu daerah yang sama. Dalam kajian ini pengkaji cuba menjelaskan kepada umum tentang perbezaan kata leksikal yang pelbagai dan menghuraikan kata leksikal tersebut berdasarkan hubungan maknanya dalam bahasa Melayu baku. Kewujudan pelbagai keunikan dalam dialek Kelantan yang dituturkan di Kampung Charok Kudong menjadi tarikan yang utama dan mendorong pengkaji untuk mengkaji dengan lebih mendalam dan membuat perbandingan setiap aspek linguistiknya.

Pengkaji juga ingin menunjukkan dan menjelaskan perbezaan dari segi fonologi termasuklah sebutannya kerana ramai yang tidak mengetahui tentang wujudnya perbezaan fonologi dalam kedua-dua dialek. Perbezaan ini berlaku mungkin juga disebabkan oleh pengaruh luar yang masuk ke kawasan ini.

Skop kajian

Kajian ini melibatkan 30 orang responden yang terdiri daripada 15 orang dari Kampung Bukit Jambul dan 15 orang dari Kampung Charok Kudong yang dipilih secara rawak dan boleh memberikan maklumat dan data linguistik untuk kajian ini.

Selain itu, kajian ini melibatkan hanya dua buah kampung yang terletak di daerah Pendang, iaitu Kampung Bukit Jambul dan Kampung Charok Kudong. Dalam kajian ini, pengkaji berfokus kepada beberapa objektif kajian yang utama, iaitu untuk menjelaskan inventori fonem dan penyebarannya dalam kedua-dua dialek, untuk membandingkan proses fonologi yang berlaku dalam kedua-dua dialek berdasarkan teori fonologi generatif. Berdasarkan objektif kedua ini, pengkaji memfokuskan secara menyeluruh tanpa membahagikan proses fonologi yang sedia ada seperti pendepanan nasal, peleburan VK, faringalisasi geseran, penggeluncuran /i/ dan penyisipan [a], perendahan vokal, penggeluncuran getaran, pembelakangan vokal, glotalisasi geseran dan penyisipan [j]. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk menghuraikan penggunaan kata leksikal dan hubungan makna di antara kedua-dua dialek.

Definisi operasional

Dialek

Dialek ialah variasi daripada sesuatu bahasa yang digunakan dalam pertuturan oleh sekumpulan penutur di sesebuah tempat. Oleh itu, pelbagai definisi dialek telah dikemukakan oleh ahli linguistik yang mengemukakan tentang definisi dialek itu sendiri. Semua definisi dialek ini telah dijelaskan dalam pengenalan. Pengkaji telah mengemukakan pendapat tokoh tentang definisi dialek ini. Antara tokoh yang mengemukakan pendapat mengenai dialek adalah seperti Nik Safiah Karim (1967), Ayatrohaedi (1979), Abdul Hamid Mahmood (1982), Asmah Haji Omar (1985) dan juga Chambers dan Trudgill (1990).

Menurut pendapat Asmah Haji Omar (1985) yang mengatakan bahawa dialek daerah juga merupakan satu kelainan daripada satu bahasa yang terbit daripada perbezaan aspek pengucapan sekumpulan penutur tersebut yang dipengaruhi oleh alam sekitarnya. Manakala dialek sosial pula merujuk kepada kelas sosial dan tingkat pendidikan penuturnya. Dalam kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini, penggunaan dialek yang berbeza adalah disebabkan oleh kelas sosial dan tingkat pendidikan penutur tersebut. Terdapat penutur yang bekerja dan mendapat pendidikan luar daripada kawasan kajian.

Fonologi

Fonologi merupakan salah satu komponen tatabahasa yang mengkaji bunyi dan merupakan aspek terpenting dalam sistem bahasa. Biasanya, fonologi menumpukan kajiannya terhadap sistem bunyi bahasa dalam pertuturan. Fonologi juga cuba menghuraikan kejadian perubahan bahasa apabila morfem digabungkan dalam proses pembentukan ayat sesuatu bahasa. Di samping itu, fonologi turut menerokai cara bunyi itu mengikut susunan tertentu. Dalam kajian ini juga pengkaji telah menggunakan fonologi segmental untuk mendapatkan analisis yang lebih baik.

Fonologi segmental mengkaji segmen pada tingkat segmen atau melodi yang berada di bawah mora dalam hierarki fonologi. Bagaimanapun penggunaan istilah segmen dalam kajian ini agak berbeza daripada apa yang difahami dalam analisis linear dan struktural. Segmen tidak lagi merujuk hanya kepada unsur atau unit fonem sahaja, tetapi digunakan juga bagi merujuk kepada unit tona, konsonan, vokal, suku kata dan lain-lain (Zaharani 1996). Ini termasuklah konsonan atau vokal terbitan yang bersifat underspesifikasi (mudah diramal) walaupun tidak fonemik dan tidak terdapat dalam bentuk dalaman.

Fonem pula ialah satu unit bunyi yang berbeza secara eksplisit dan boleh membezakan makna. Ia terdiri daripada konsonan dan vokal yang terbina secara dalaman dan kehadirannya sukar diramal. Oleh itu, istilah fonem adalah lebih sempit daripada segmen. Semua fonem adalah segmen, tetapi tidak semua segmen adalah fonem. Fonem merealisasikan segmen. Oleh itu, secara kebiasaannya fonem bagi sesuatu bahasa dijelaskan dengan menggunakan carta inventori, manakala segmen tidak dimasukkan ke dalam carta tersebut atas sifatnya yang mudah diramal hasil perealisasikan fonem. Dalam kajian ini, pengkaji telah menjalankan kajian berdasarkan fonem yang ada dalam DU dan DCK yang terdiri daripada konsonan dan vokal. Dalam objektif kedua pula adalah berdasarkan kepada proses fonologi yang terdapat dalam kedua-dua dialek yang dikaji.

Selain itu, fitur distingtif yang mula diperkenalkan oleh Trubetzkoy (1939), dan Jakobson (1941) dari aliran praha terbahagi kepada dua, iaitu ciri pembeza unari (*unary*) dan binari (*binary*). Ciri pembeza unari ialah ciri yang mempunyai satu nilai sahaja untuk membezakan makna, misalnya ciri labial, koronal, dan dorsal. Manakala ciri pembeza binari pula mempunyai dua nilai iaitu $[\pm]$ untuk membezakan makna, misalnya $[\pm\text{bundar}]$, $[\pm\text{anterior}]$, dan $[\pm\text{tinggi}]$. Contohnya, segmen vokal [p] dengan [t] boleh dibezakan dengan menggunakan fitur unari kerana [p] mempunyai fitur unari labial, manakala [t] mempunyai fitur unari koronal, tetapi [p] dengan [b] tidak berbeza dari segi fitur unarinya kerana kedua-duanya adalah labial. Ia hanya boleh dibezakan dengan menggunakan fitur binari, iaitu [p] mempunyai fitur $[-\text{suara}]$, manakala [b] mempunyai fitur $[\text{+suara}]$.

Inventori fonem

Inventori fonem merujuk kepada senarai fonem yang bersifat dalaman yang wujud dalam sesuatu bahasa. Oleh itu, segmen-segmen terbitan, pinjaman, yang penyebarannya terhad, dan yang mudah diramal kehadirannya, tidak termasuk dalam

inventori fonem. Inventori fonem ini terbahagi kepada dua, iaitu inventori fonem konsonan dan inventori fonem vokal.

Kata leksikal

Kata leksikal merujuk kepada kosa kata atau perbendaharaan kata. Kata leksikal juga bersinonim dengan leksis. Secara global, bentuk leksikal bermakna kata-kata dalam bahasa daerah atau loghat daerah seseorang penutur. Bentuk leksikal dialek mempunyai kelainan berbanding bentuk leksikal baku dari sebutan, intonasi, etimologi dan morfologinya. Ini termasuklah kajian leksikal yang dilakukan oleh Ajib Che Kob (1977) yang membuat kajian berkaitan dengan mengklasifikasikan kosa kata berdasarkan kajian dialek Geografi Pasir Mas. Dalam kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji ini, pengkaji akan menjalankan kajian berdasarkan kata leksikal dengan hubungan makna yang menghuraikan persamaan dan perbezaan kata leksikal tersebut dengan kedua-dua dialek.

Kesimpulan

Dalam bab ini pengkaji telah menekankan tentang objektif atau tujuan utama pengkaji memilih untuk menjalankan kajian perbandingan antara kedua-dua dialek. Walaupun kedua-dua dialek ini iaitu dialek Utara dan dialek Charok Kudong dituturkan di kawasan yang sama iaitu di Pendang, Kedah tetapi wujud perbezaan dan persamaan dari segi fonologi atau sebutan dan hubungan makna dalam kata leksikal.

Hal ini telah menjadi daya tarikan yang utama kepada pengkaji untuk menjalankan kajian berdasarkan kepada beberapa objektif utama tersebut. Kajian ini diharapkan dapat memberitahu masyarakat di Kedah mahupun dari luar Kedah tentang kewujudan perbezaan dari aspek fonologi dan juga kata leksikal dalam kedua-dua dialek tersebut. Hasil kajian ini juga diharapkan dapat dimanfaatkan dan dijadikan rujukan pelbagai pihak, terutama sekali kepada ahli linguistik, pelajar linguistik dan kepada masyarakat setempat yang berkaitan.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hassan. 1966. *Perbandingan tatabunyi antara dialek Kedah dengan dialek Perak*. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya.
- Abdullah Hassan. 1989. *Isu-isu pembelajaran dan pengajaran bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 1994. *Bahasa Melayu untuk Maktab Perguruan*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Abdul Chaer. 1990. *Pengantar Semantik Bahasa Indonesia*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Abdul Hamid Mahmood. 1971. Fonem dialek Kelantan. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya.
- Abdul Hamid Mahmood. 1982. Bahagian 2 “*Ciri-ciri Dialek Kelantan Mempengaruhi Penguasaan Bahasa Standard*”. Dewan Bahasa dan Pustaka. 26(10):339-396.
- Abdul Hamid Mahmood. 1994. *Sintaksis Dialek Kelantan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adi Yasran bin Abdul Aziz. 2005 (a). Aspek Fonologi Dialek Kelantan: Satu Analisis Teori Optimaliti. *Tesis Doktor Falsafah*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adi Yasran bin Abdul Aziz. 2005 (b). Inventori Konsonan Dialek Melayu Kelantan: Satu Penilaian Semula. *Jurnal Pengajian Melayu*:Jilid 16. Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya.
- Ahmad Mahmood Musanif. 2006. Teori dalam Penyelidikan Linguistik. *Ujana Minda Jilid 2:Kumpulan esei Bahasa, Sastera dan Komunikasi*. Petaling Jaya: Susbadi Sdn.Bhd.
- Ajib Che Kob. 1977. *Dialek Geografi Pasir Mas: Fonologi dan Leksikal*. Tesis sarjana. Pusat Bahasa, Universiti Malaya.
- Ajib Che Kob. 1985. *Dialek Geografi Pasir Mas*. Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ajib Che Kob (eds). 1991. *Entmografi Komunikasi*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Akmajian, A.R.A. Deners and R.M. Harnish. 1984. *Linguistic, second edition*. Cambriedge, M.A: MIT press.
- Amat Juhari Moain. 1997. *Sosiolinguistik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

- Asiah Idris. 1989. *Fonologi Dialek Pahang Satu Kajian Awal di Kampung Sentang*. Jurnal Linguistik Jilid 33. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1970. *Bahasa Melayu Standardisasi Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1977. *Kepelbagaian fonologi dialek-dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1977. *The Phonological Diversity of the Malay Dialect*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1983. *The Malay Peoples of Malaysia and their Languages*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1986. *Bentuk bahasa kanak-kanak Melayu*. Dlm jurnal Bahasa. 29(9)711-720.
- Asmah Haji Omar. 1993. *Nahu Melayu Mukhtahir* (Edisi Keempat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1995. *Rekonstruksi fonologi bahasa Melayu induk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2008. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2008. *Kaedah penyelidikan Bahasa di Lapangan*. (edisi kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayatrohaedi. 1979. *Dialektologi: Sebuah Penghantar Jakarta*: Pusat Pengembangan Bahasa Department, Pendidikan dan Kebudayaan.
- Broto A.S. 1980. *Pengajaran bahasa Indonesia sebagai bahasa kedua di sekolah dasar berdasarkan pendekatan linguistic konstruktif*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Brown, C.C. 1926. *Kelantan Malay, papers on Malay subjects*. Singapore: Singapore Government Printers.
- Brown, C.C. 1956. *Studies in country Malay*. Luzac.
- Che Radziah Mezah. 2006. *Analisis kesilapan leksikal dalam karangan Bahasa Arab*. Tesis PhD. Fakulti Bahasa dan Linguistik: Universiti Malaya.
- Chamber, J.K and Peter Trudgil. 1990. *Dialektologi* (diterjemahkan oleh: Anuar Ayub). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chomsky, N & Halle, M. 1968. *The sound pattern of English*. New York: Harper &

Row.

- Collins, James T. 1986. *Antologi Kajian Dialek Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan bahasa dan Pustaka.
- Collins, James T. 1985. *Fonologi dialek Melayu dan Rekonstruksi Bahasa Melayu induk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James T. 1996. *Khazanah Dialek Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Crystal, David (eds). 1983. *The Cambridge Encyclopedia Of Language*. Cambridge: Cambridge Universiti Press.
- Dilah bin Tuah. 2003. *Penggunaan dialek Melayu Sarawak di kawasan Batu Kawa*. Serdang:Universiti Putra Malaysia.
- F.R. Palmer (Penterjemah Abdullah Hassan). 1989. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Farid M.Onn.1980. *Aspect of Malay Phonology and Morphology*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Farid M.Onn. (pnyt). 1988. *Bunga Rampai fonologi bahasa Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Farid M.Onn et.al. 1987. *Penukaran Kod dan refleksi sosial dalam masyarakat Melayu*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Farid M.Onn dan Ajib Che Kob (eds) .1993. *Simponim Dialek: Penyelidikan dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Francis ,W.N . 1983. *Dialectology An Introduction*. Singapore: Hunstmen Offset Printing Pte Ltd.
- Fraser, T.M. 1960. *Ru Sembilan, a Malay fishing village in southern Thailand*. New York: Cornell University press.
- Goldsmith, J.A. 1976. *Autogsegmental phonology*. Indiana University Linguistic Club.
- Halle, M. 1995. Feature geometry and feature spreading. *Linguistic Inquiry* 26 (1):1-46.
- Harimurti Kridalaksana. 1982. *Kamus Linguistik*. Jakarta. Universiti Indonesia.
- Hashim Musa. 1974. Morfemik dialek Kelantan. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Howe, D. 2003. Segmental phonology. University of Calgary, Kanada (atas talian) <http://www.fp.ucalgary.ca/howed/phonology.pdf> (23 Julai 2003)

- Ibrahim Ahmad. 2007. *Variasi Leksikal Bahasa Melayu Malaysiadan Bahasa Indonesia: Satu Analisis dari Perspektif kata*. Jurnal Linguistik Jilid 8. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Indrawati Hj.Zahid. 1995. *Semantik leksikal dalam peribahasa Melayu*. Tesis sarjana. Jabatan Pengajian Melayu: Universiti Malaya.
- Ismail Hussein. 1973. The Malay Dialects in the Malay Peninsula. *Nusantara* 3:69-79.
- John I.Saeed. 1997. *Semantics*. Blackwell Publishers.
- Kamus dewan. 1993. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. Edisi Ketiga. 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik*. 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- King, R.B. 1969. *Historical Linguistic and Generative Grammar*. Englewood Cliffs: Prentice-hall.
- Lehmann, W.P. 1973. *Historical Linguistic: An introduction* New York: Holt, Rinehart and Winston, inc.
- Lyons, J. 1968. *Introduction to theoretical linguistic*, Cambridge: Cambridge University Press.
- Mahsun. 1975. *Dialectologi Diakronis Sebuah Pengantar*. Yogyakarta: Godjet Mada Universiti Press.
- Mangantar Simujuntak. 1980. *Aspek Bahasa dan Pengajaran*. Kuala Lumpur. Sarjana Enterprise.
- Mohd Taib Osman. 1961(a). Hikayat Seri Kelantan. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Mohd Taib Osman. 1961(b). Pengaruh pengucapan dialek terhadap ejaan. *Dewan Bahasa* 5:357-366.
- Nik Safiah Karim. 1965. Loghat Melayu Kelantan. *Tesis Sarjana*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nik Safiah Karim. 1966. Loghat Kelantan: Huraian fonologi dan cacatan pendek mengenal sifat-sifat umum. *Dewan Bahasa* 10 (6): 258-264.
- Nik Safiah Karim. 1967. Loghat Kelantan: Huraian Fonologi dan cacatan pendek mengenal sifat-sifat umum. *Dewan Bahasa* 10(6):258-264.
- Nik Safiah Karim. 1981. *Beberapa Persoalan sosiolingustik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nik Safiah Karim. 1985. Dialek Kelantan- satu lambang sosio-budaya wilayah. Dlm. Nik Safiah Karim & Wan Abdul Kadir Yusoff (pnyt). *Kelantan dalam perspektif sosio-budaya*, hlm 121-130. Kuala Lumpur: Jabatan bahasa Melayu, Universiti Malaya.
- Nik Safiah Karim. 1988. *Sosiolinguistik Bahasa Melayu dan Pengajaran*. Petaling Jaya:Fajar Bakti.
- Nik Safiah Karim & Ton Ibrahim. 1977. "*Laporan penyelidikan Bahasa di Hulu Tembeling*. Mimeograf. Jabatan Pengajian Melayu. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Noorbaizura Abd Razak. 2003. *Kelestarian dialek Ulu Terangganu: perbandingan antara golongan tua dan muda*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin.2007. *Asas Fonetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Palmer, FR. 1971. *Grammar*. Harmondsworth, Middlesex: Penguin Book.
- Pepys, W.E. 1916. A Kelantan glossary. *Jour. Straits Branch R.A. Soc.* 74:303-321.
- Raja Masittah Raja Ariffin. 1987. *Pemerian Tentang Kajian Fonologi Dialek Melayu*, dalam Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka, April: Kuala Lumpur.
- Roca, I. 1994. *Generative phonology*. Oxford: Blackwell Publishers.
- Roca, I & Johnson. W. 1999. *A course in phonology*, Oxford: Blackwell publishers.
- Robert De Beaugrande. 1991. *Linguistic Teory*. Longman Linguistic Library.
- Ruslan Uthai. 2011. *Keistimewaan dialek Melayu Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- S. Nathesan. 2008. *Makna dalam Bahasa Melayu Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Spencer, A. 1996. *Phonology: Theory and description*. Oxford: Blackwell.
- Sturrock, AJ. 1912. Some notes on the Kelantan dialects, and some comparrsons with the dialects of Perak and Pahang, *Joar Straits Branch R.A* 62:1-7.
- Suriati Subahir. 2007. *Perbandingan leksikal bahasa orang Asli Seletar dan Bahasa Melayu*. Latihan ilmiah. Jabatan Pengajian Melayu: Universiti Malaya.
- Tengku Norahayati bt Tengku Mohamad. 1993. Dialek Ulu Tembeling dan bahasa melayu baku: satu perbandingan. *Latihan ilmiah*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

- Teoh Boon Seong & Yeoh Chiang Kee. 1988. Fonem vokal nasal dalam dialek Kelantan. Dlm. Farid M. Onn (pnyt). *Bunga rampai fonologi Bahasa Melayu*, hlm. 91-98. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Teoh Boon Seong. 1989. *Sistem Vokal Bahasa Melayu Satu Pemerian Autosegmental*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teoh Boon Seong. 1994. *The sound system of Malay revisited*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ton Ibrahim. 1974. *Morfologi dialek Kedah*. Tesis Sarjana Satera. Jabatan Pengajian Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Truebetzkoy. Ns. 1939. *Principles of phonology*. Terj. Berkeley CA: University of California press.
- Trier, J. 1934. 'Das sprachliche feld. Eine Auseinandersetzung'. *Neue jahrbucher fur wissenschaft und jugenbildung* 10, hlmn 428-49.
- Ullman, S. 1962. *Semantic: an introduction to the study of meaning*. Oxford: Basil Blackwell.
- Wan Khairulhusna Wan Mokhtar. 2011. *Kelestarian bahasa orang Asli Bateq dan Mah Meri berdasarkan aspek fonologi dan leksikal*. Tesis sarjana. Fakulti bahasa Moden dan Komunikasi: Universiti Putra Malaysia.
- Yunus Maris. 1980. *The Malay Sound System*. Kuala Lumpur. Fajar Bakti.
- Yusriadi. 2007. *Dialek Melayu Ulu Kapuas Kalimantan Barat*. Siri Monograf Sejarah Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Safarwan. 1995. *Kamus Besar. Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur. Utusan Publication and Distribution Sdn.Bhd.
- Zaharah Bt Buang. 1966. Loghat Melayu Johor dn Perhubungannya dengan Bahasa Umum: satu Chearakinan Kanimofin. *Tesis M.A. Universiti Malaya*.
- Zaharani Ahmad. 1989. *Dialektologi Generatif dan Kepelbagaian dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad. 1991. *The Phonology and Morphology of The Perak Dialect*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad. 1993. *Fonologi Generatif: Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad. 1996. Teori optimaliti dan analisis deretan vokal bahasa Melayu. *Dewan Bahasa* 40 (6):512-527.
- Zaharani Ahmad. 1998. Phonology and Morphology interface in Malay: An

Optimality theoretic account. Thesis Ph.D University of Essex.

Zaharani Ahmad. 1999. Struktur suku kata dasar Bahasa Melayu: Pematuhan dan pengingkar onsets. *Dewan Bahasa* 43(12):1058-1076.

Zaharani Ahmad. 2000. Pemanjangan dan penyisipan vokal dalam bahasa Melayu: Suatu analisis autosagmental. *Dewan Bahasa* 44 (12): 1202-1221.

Zaharani Ahmad & Teoh Boon Seong. 2006. *Fonologi Autosegmental: Penerapan pada Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaiton Yazid. 1999. *Fonologi dan Leksikal bahasa orang Asli Jahai: Suatu kajian kes di perkampungan Pos Rual Jeli Kelantan*. Latihan Ilmiah. Jabatan Pengajian Melayu: Universiti Malaya.

Zakiah Harun. 1989. *Asal usul negeri-negeri di Malaysia*. Kuala Lumpur. Singapore: Time Books International.

Zulkifley Hamid & Ramli Md. Salleh & Rahim Aman. 2007. *Linguistik Melayu* Edisi Kedua. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.